

Headline	<b>RM2,500 untuk emas Wilayah Persekutuan</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>26. May 2008</b>	Page No	<b>31</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>346 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Sukan</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>		



**SUKMA XII**

# RM2,500 untuk emas Wilayah Persekutuan

SERDANG – Atlet kontinjen Wilayah Persekutuan dijanjikan imbuhan wang tunai RM2,500 jika memenangi pingat emas pada Sukan Malaysia ke-12 (Sukma XII) di Terengganu yang akan berlangsung dari 31 Mei hingga 9 Jun, lapor **AMRAN MULUP**.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique berkata, imbuhan itu telah diluluskan untuk atlet individu yang menyumbangkan pingat emas dalam setiap acara yang disertai.

Menurut beliau, bagi acara berpasukan pula imbuhan yang akan diberikan bergantung kepada jumlah atlet dengan kadar paling rendah iaitu RM500 setiap seorangan.

"Insentif ini diberikan bertujuan untuk memberi galakan kepada setiap atlet yang mewakili Wilayah Persekutuan menunjukkan persembahan terbaik dan membawa pulang pingat emas.

"Sasaran kali ini adalah untuk menduduki empat tangga terbaik berbanding tempat ketujuh pada temasya dua tahun lalu di Kedah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas majlis penyerahan bendera kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukma XII, Terengganu di Dewan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Uni-

versiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Menurut Zulhasnan, beliau berharap insentif yang diumumkan itu akan dapat memberikan suntikan semangat kepada semua atlet mengharumkan nama Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, kontinjen Wilayah Persekutuan kali ini lebih bersedia dan meletakkan sasaran 45 pingat emas.

Menurut beliau, antara acara yang disasarkan untuk menyumbang pingat emas ialah renang, menembak, olahraga, sepak takraw dan bola jaring.

"Di Kedah pada 2006, pasukan kita sekadar meraih 25 pingat emas dan menduduki tangga ketujuh, harapan saya agar kali ini sasaran 45 pingat menjadi kenyataan," katanya.

Katanya, Wilayah Persekutuan menghantar seramai 568 atlet termasuk 175 pegawai untuk menyertai semua acara yang dipertandingkan pada Sukma kali ini.



ZULHASNAN Rafique (tengah) bersama kontinjen WP selepas majlis penyerahan bendera kontinjen itu ke Sukma XII di Dewan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM semalam.